

Aplikasi Kaedah *Al-Asl Bar'Éah Al-Zimmah* Menurut Hukum Fiqh Dan Impelementasinya Dalam Perundangan Semasa Di Malaysia

[Application of the Al-Asl Barā'ah Al-Zimmah Method According to Fiqh Law and Its Implementation in Current Legislation in Malaysia]

Nik Faisal Nik Ismail¹

¹ Jabatan Pengajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs). Email: nikfaisal@kuips.edu.my

ABSTRACT

This article discusses the application of the principle of original freedom (al-asl bar'Éah al-zimmah) according to Islamic jurisprudence and its implementation in current legislation in Malaysia. The objective of this study is to demonstrate the important role of the stated principle in addressing various issues related to family matters, transactions, and crimes. This study is qualitative in nature and based on a framework of content analysis. Data collection involves referring to exegesis books, Sunnah, classical fiqh texts, principles of jurisprudence, al-Qawaid al-Fiqhiyyah, views of contemporary Islamic scholars, current laws, and content research. The collected data is analyzed and interpreted using deductive, descriptive, and comparative methods to obtain appropriate findings in line with the established research objectives. The results of the study indicate that this principle emphasizes the principle of al-bar'Éah (freedom) possessed by every human being from being burdened with obligations, responsibilities, accusations, or punishments. Findings also show that this principle is based on the Quran and Sunnah and can be applied in various branches of Islamic law, playing a significant role in realizing justice for parties involved in disputes, especially in the aspects of family matters, transactions, and crimes. The implementation of the theories and principles found in this principle will ensure the preservation of the rights and dignity of every individual from both Islamic law and current legislative perspectives.

Keywords: *principle, application, family matters, transactions, crimes, legislation*

ABSTRAK

Artikel ini membincangkan aplikasi kaedah *al-asl bar'Éah al-zimmah* menurut hukum fiqh dan implementasinya dalam perundangan semasa di Malaysia. Objektif kajian ini adalah untuk membuktikan peranan penting kaedah yang telah dinyatakan dalam menghadapi pelbagai isu berkaitan kekeluargaan, muamalat dan jenayah. Kajian ini adalah berbentuk kualitatif berdasarkan kerangka analisis kandungan. Pengumpulan data adalah dengan merujuk kepada buku-buku tafsir, sunnah, kitab-kitab fiqh klasik, usul fiqh, al-Qawaid al-Fiqhiyyah, pandangan ulama Islam kontemporari, undang-undang semasa dan penelitian kandungan. Data-data yang dikumpulkan dianalisis dan diuraikan dengan menggunakan metode deduktif, deskriptif dan komparatif bagi mendapatkan natijah yang sesuai dan selaras dengan objektif kajian yang telah ditetapkan. Hasil kajian menunjukkan bahawa kaedah ini menekankan prinsip *al-bar'Éah* (kebebasan) yang dimiliki oleh setiap manusia daripada dibebani dengan sesuatu kewajipan, tanggungan, tuduhan atau hukuman. Dapatan juga menunjukkan bahawa kaedah ini dibentuk berasaskan al-Quran dan Sunnah dan dapat diaplikasikan dalam pelbagai cabang hukum fiqh serta memainkan peranan yang signifikan untuk merealisasikan keadilan bagi pihak-pihak yang terlibat dalam sesuatu pertikaian terutamanya dalam aspek kekeluargaan, muamalat dan jenayah. Perlaksanaan teori dan prinsip yang terdapat dalam kaedah ini akan menjamin pemeliharaan terhadap hak dan maruah setiap individu sama ada dari sudut hukum syarak mahupun perundangan semasa.

Kata kunci : kaedah, aplikasi, kekeluargaan, muamalat, jenayah, perundangan

How to Cite:

Received : 30-03-2024

Accepted : 27-05-2024

Published : 28-05-2024

Nik Ismail, N. F. (2024). Aplikasi kaedah Al-Asl Barā'ah Al-Zimmah menurut hukum fiqh dan implementasinya dalam perundangan semasa di Malaysia. RABBANICA Journal of Revealed Knowledge, 5(1), 123-136

1. Pendahuluan

Perkembangan zaman moden yang sangat pantas memberi kesan ke atas kehidupan masyarakat dalam segenap bidang dengan timbulnya pelbagai isu semasa yang sentiasa berubah dan mencabar. Semua itu memerlukan rujukan dan panduan sebagai penyelesaian terhadap masalah yang dihadapi. Justeru, keanjalan syariat Islam yang dipandu oleh dua sumber utama iaitu al-Quran dan Sunnah kemudiannya diadun dengan prinsip atau kaedah pengambilan hukum syarak seperti yang terkandung dalam ilmu Usul Fiqah dan disiplin ilmu-ilmu lain dalam Islam boleh memberikan jawapan bagi segala isu yang berlaku. Meskipun pada kenyataannya *nas* (dalil tekstual) daripada al-Quran mahupun Sunnah sebagai sumber primer hukum syarak adalah terbatas berbanding permasalahan hidup masyarakat yang sentiasa bertambah dan berkembang, namun kewujudan sumber-sumber hukum sekunder serta kaedah-kaedah fiqh yang terhasil dari kedua-dua sumber hukum dapat mengatasi perkara tersebut.

Menurut Anwar Fakhri Omar (2002) mengaplikasikan kaedah-kaedah fiqh bukanlah bermakna mengetepikan nas-nas al-Quran dan as-Sunnah tetapi sebaliknya, ia bertujuan untuk mengurus dan memandu urusan agama dan urusan manusia agar diselaraskan dengan keadaan dan masa demi kemaslahatan umat itu sendiri dan mencapai tujuan syariah (*Maqasid al-Syariah*). Di antara puluhan kaedah yang telah disusun dan dirangkum oleh para *fuqaha*, kaedah fiqh yang penting adalah *al-asl bar'Éah al-zimmah*. Menurut al-'Iz Abd al-Salam (1991) prinsip asal ialah seorang manusia itu bebas daripada menanggung beban pelbagai hak, bebas dirinya daripada sebarang hukuman qisas, hudud mahupun takzir, bebas daripada dikaitkan dengan hak orang tertentu sama ada berbentuk ucapan atau perbuatan.

Kaedah *al-asl bar'Éat al-zimmah* merupakan panduan syarak dalam menghadapi pertikaian yang sering berlaku di kalangan anggota masyarakat kerana manusia secara fitrahnya menginginkan keadilan terhadap sebarang bentuk pencerobohan hak. Sebaliknya pula, kegagalan untuk menerapkan kaedah ini boleh menyebabkan kepincangan dalam masyarakat dan membenarkan penindasan yang tidak adil di mana seorang akan bermudah-mudah membuat tuntutan palsu dan pihak yang dituduh pula menghadapi kesukaran untuk menafikan dakwaan tersebut. Ini boleh mengakibatkan kehilangan hak dan ketidakstabilan dalam kehidupan bermasyarakat.

Oleh itu, pengkaji berpendapat bahawa kaedah ini mempunyai kedudukan yang amat penting untuk dibuat kajian bagi membuktikan sejauh mana ia dapat diadaptasi dalam pelbagai cabang permasalahan fiqh. Lantaran itu, artikel ini akan menjelaskan kaedah *al-asl bar'Éah al-zimmah* dan aplikasinya dalam hukum fiqh dan perundangan semasa di Malaysia dalam isu berkaitan kekeluargaan, muamalat dan jenayah.

2. Sorotan Literatur

Terdapat beberapa kajian lepas berkaitan kaedah-kaedah fiqh dan aplikasinya antaranya ialah kajian oleh Fauwaz (2016) bertajuk "*Qa'idah al-Asl Baraat al-Zimmah wa 'ilaqtuha bi al-'Amal al-Jinaei*" berkaitan perlaksanaan kaedah ini dalam undang-undang berkaitan

kesalahan jenayah. Walaubagaimanapun kajian ini hanya memfokuskan sistem perundangan yang diamalkan di Arab Saudi. Selain itu, kajian oleh Anwar Fakhri Omar (2002) bertajuk “*Aplikasi Kaedah Fiqah Dalam Permasalahan Fiqah*” bertujuan untuk melihat hubungan antara kaedah fiqah dengan beberapa permasalahan fiqah yang berlaku. Kajian ini membuat kesimpulan bahawa kaedah fiqah atas kedudukannya sebagai kaedah fiqah semata-mata tidak menjadikannya layak untuk digunakan sebagai dalil tersendiri yang boleh diistinbatkan daripadanya hukum serta fatwa atau dijadikan asas untuk memutuskan sesuatu hukum.

Di samping itu, terdapat juga kajian oleh Amalina & Norhusairi (2020) bertajuk “*Pemakaian Kaedah-Kaedah Fekah Dalam Institusi Fatwa Di Wilayah Persekutuan Dari Tahun 2010-2014*” bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis sumber-sumber undang-undang Islam dengan *Al-Qawa'id Al-Fiqahiyah* yang selalu digunakan oleh ulama Islam dan mujtahid dalam pembinaan hukum terutamanya fatwa-fatwa di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Hasil kajian mendapati bahawa *penggunaan Al-Qawa'id Al-Fiqahiyah* dalam fatwa di institusi fatwa Wilayah Persekutuan tidak digunakan secara meluas kerana isu-isu yang telah diterima oleh institusi mufti di Wilayah Persekutuan pada dasarnya adalah persoalan umum yang telah pun dibincangkan oleh ulama Islam dalam buku dan penulisan mereka. Demikian juga kajian oleh Mualimin & e.tl (2020) bertajuk “*Aplikasi Kaedah-Kaedah Fiqah Dalam Isu-Isu Semasa Pandemik Covid-19*” yang mendapati bahawa prinsip ajaran syarak yang terhimpun dalam kaedah fiqah menjadi rujukan dalam menentukan sesebuah hukum isu-isu yang berlaku khususnya sewaktu pandemik Covid-19. Hal ini menjadi bukti bahawa keanjalan hukum syarak mampu mendepani pelbagai isu semasa yang sentiasa berubah.

Selain itu, terdapat juga tesis di peringkat doktor falsafah yang membincangkan mengenai kaedah-kaedah fiqh antaranya Yaḥyā Musā Ḥamād Banī ŅAbd Allah (2004) yang bertajuk “*Al-Qawā'īd al-Fiqhīyah Fī Ijtīmā' al-Ḥalāl Wa al-Ḥarām Wa Taṭbīqātiha al-MuŅāsirah*” merupakan perbincangan yang komprehensif tentang aplikasi kaedah fiqh dalam isu yang menyentuh antara perkara halal dan haram di samping memaparkan pelaksanaannya dalam isu-isu terkini. Hasil kajian mendapati bahawa sesuatu perkara yang mengandungi unsur halal dan haram, maka elemen berhati-hati (*iḥṭiyāt*) menjadi suatu kewajipan agar kita tidak terjerumus dalam perkara haram. Oleh itu, kaedah fiqh merupakan suatu elemen yang terbaik dalam mengenalpasti hukum terhadap perkara tersebut lebih-lebih lagi kebanyakan isu halal dan haram masa kini tiada nas yang jelas terhadapnya. Kajian tesis yang lain pula dilakukan oleh Mastura binti Razali (2015) berjudul “*Aplikasi Kaedah Fiqhiyyah Dalam Penghakiman: Kajian Terhadap Jurnal Hukum (2004-2013)*” yang menjelaskan konsep kaedah *fiqhiyyah* dan peranannya sebagai hujahan dalam perundangan Islam dengan menganalisis jenis kaedah *fiqhiyyah*, ketepatan dan kekerapan penggunaan kaedah tersebut diaplikasikan dalam penghakiman berdasarkan Jurnal Hukum. Kajian tersebut menyimpulkan bahawa kaedah *fiqhiyyah* mempunyai peranan yang besar sebagai metode *istinbāt* hukum dan hujahan sokongan dalam mengendalikan kes-kes syariah iaitu sebanyak 34 jenis kaedah *fiqhiyyah* telah diaplikasikan dalam penghakiman. Selain itu, pengaplikasian kaedah *fiqhiyyah* oleh para hakim dalam kes-kes yang dilaporkan juga telah menepati maksud dan tujuan sesuatu kaedah *fiqhiyyah*.

Jika disoroti secara umum terhadap kajian-kajian lepas, semuanya lebih tertumpu kepada perbincangan kaedah-kaedah fiqah secara umum kecuali kajian yang bertajuk “*Qa'idah al-Asl Baraat al-Zimmah wa 'ilaqtuha bi al-'Amal al-Jinaei*” (Fauwaz, 2016). Walau bagaimanapun kajian tersebut hanya memfokuskan implementasi kaedah yang telah dinyatakan dalam konteks jenayah dan perundangan semasa Arab Saudi. Oleh itu, penulis ingin melengkapkan kelompangan yang ada dengan menumpukan kajian terhadap aplikasi kaedah *al-asl bar'eah al-zimmah* secara khusus dalam hukum fiqah dan perundangan semasa di Malaysia berkaitan isu-isu kekeluargaan, muamalat dan jenayah.

3. Metodologi Kajian

Metodologi kajian ini adalah berbentuk kualitatif berdasarkan kerangka analisis kandungan. Pengumpulan data dengan merujuk kepada buku-buku tafsir, sunnah, kitab-kitab fiqah klasik, Usul Fiqah, *al-Qawaid al-Fiqahiyyah*, pandangan ulama Islam kontemporari, akta dan undang-undang semasa dan penelitian kandungan. Data-data yang dikumpulkan dianalisis dan dihuraikan dengan menggunakan metode deduktif, deskriptif dan komparatif bagi mendapatkan natijah yang selaras dengan objektif kajian untuk membuktikan peranan penting kaedah *al-asl barÉah al-zimmah* dalam menghadapi pelbagai isu berkaitan kekeluargaan, muamalat dan jenayah.

4. Konsep Dan Kedudukan Kaedah *Al-Asl BarÉah Al-Zimmah* Menurut Syarak

Perbahasan pada bahagian ini akan diperincikan kepada beberapa tajuk berikut:

4.1 *Pengertian Kaedah Al-Aslu BarÉah Al-Zimmah*

Kata *al-asl* merujuk kepada asas atau tapak dibina sesuatu di atasnya (Kumpulan penulis, 1972; al-Jurjani, 1983; al-Jauhari, 1987). Ia juga menjadi kesinambungan kepada kewujudan yang lain, kerana itu seorang bapa disebut asal kepada anak (al-Fayyumi, t.t). Adapun maksud *al-asl* dalam kaedah ini iaitu dihukumkan sesuatu berdasarkan keadaan asalnya sehinggalah wujudnya petunjuk atau bukti yang sebaliknya. (al-Zarqa, 1989).

BarÉah dari sudut bahasa merujuk kepada keadaan sesuatu yang jauh dan terhindar daripada perkara lain (Ibn Faris, 1979). Dikatakan *fulÉnun barÉun* bermaksud seseorang itu bersih dari tuduhan yang dilemparkan terhadapnya, begitu juga *bari' al-zimmah* bermaksud seseorang yang bebas sepenuhnya daripada hutang (Kumpulan Penulis, 1972). Oleh itu, maksud *al-barÉah* dalam kaedah ini adalah merujuk kepada keadaan seseorang yang bebas daripada menanggung hak orang lain atau sesuatu kewajipan.

Al-zimmah dari sudut bahasa membawa beberapa makna seperti janji, kehormatan, keamanan dan juga jaminan (Ibn Faris, 1979; al-Nawawi, 1396H; Ibn al-Athir, t.th). Dari sudut istilah pula *al-zimmah* adalah merujuk kepada sesuatu perkara yang diambil kira pada diri seseorang yang menjadikannya layak atau berkewajipan untuk menunaikan, menanggung atau menerima sesuatu hak dan tanggungjawab (al-Zarqa, 1989). Menurut al-Zuhaili (2006) asalnya seseorang manusia itu dilahirkan dalam keadaan bebas tanggungannya daripada sesuatu kewajipan.

Kesimpulannya, kaedah *al-asl barÉah al-zimmah* bermaksud keadaan asal seseorang itu dianggap bebas dari sebarang tanggungan hak apa pun kepada orang lain. Oleh itu, apabila ada seseorang mendakwa atau menuduh orang lain mempunyai tanggungan hak, baik kepada dirinya sendiri mahupun kepada pihak ketiga, maka dakwaan atau tuduhan tersebut perlu didatangkan bukti sekiranya pihak yang dituduh itu mengingkarinya.

4.2 *Asas Pembentukan Kaedah Al-Aslu Baraat Al-Zimmah*

Menurut al-Suyuti (1983) kaedah *al-asl barÉah al-zimmah* merupakan prinsip umum yang ditetapkan oleh ulama fiqah yang didasarkan kepada kaedah *al-Istishab*. Ia menjadi salah satu kaedah syarak yang sangat penting dalam menangani pelbagai cabang permasalahan fiqah. Secara umumnya, kaedah ini dibentuk berasaskan beberapa dalil daripada al-Quran dan Sunnah antaranya :

Dalil Daripada Al-Quran

1. Firman Allah SWT di dalam surah al-Baqarah ayat 275.

﴿وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا فَمَنْ جَاءَهُ مَوْعِظَةٌ مِنْ رَبِّهِ فَاتْتَهَىٰ فَلَهُ مَا سَلَفَ وَأَمْرُهُ إِلَى اللَّهِ وَمَنْ عَادَ فَأُولَٰئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ٢٧٥﴾

Terjemahan: Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba. Orang-orang yang telah sampai kepadanya larangan dari Tuhannya, lalu terus berhenti (dari mengambil riba), maka baginya apa yang telah diambilnya dahulu (sebelum datang larangan); dan urusannya (terserah) kepada Allah. Orang yang kembali (mengambil riba), maka orang itu adalah penghuni-penghuni neraka; mereka kekal di dalamnya (al-Baqarah, 2: 275)

Ketika mana diharamkan riba, sebahagian sahabat RA merasa bimbang dan takut dengan harta-harta yang telah diperolehi oleh mereka melalui urusniaga riba pada zaman jahiliah dan di awal Islam. Maka ayat ini turun untuk menjelaskan bahawa sebarang harta yang pernah mereka perolehi sebelum pengharaman riba dikira sebagai *al-barĒah al-asliyyah* iaitu sesuatu yang dimaafkan oleh syarak (al-Syanqiti, 2019). Adapun sebarang harta yang diperolehi dengan jalan riba selepas itu tidak lagi diberikan sebarang kelonggaran dan azab yang besar menanti di akhirat nanti.

2. Firman Allah SWT di dalam surah al-Taubat ayat 115.

﴿وَمَا كَانَ اللَّهُ لِيُضِلَّ قَوْمًا بَعْدَ إِذْ هَدَاهُمْ حَتَّىٰ يُبَيِّنَ لَهُمْ مَا يَتَّقُونَ إِنَّ اللَّهَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ١١٥﴾

Terjemahan: Dan Allah sekali-kali tidak akan menyesatkan suatu kaum, sesudah Allah memberi petunjuk kepada mereka sehingga dijelaskan-Nya kepada mereka apa yang harus mereka jauhi. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala sesuatu (al-Tawbah, 9: 115)

Menurut al-Syanqiti (2019), apabila sebahagian orang Islam telah mendoakan keampunan untuk golongan musyrikin yang telah mati turunlah ayat 113 surah *al-Taubat* yang melarang keras perbuatan tersebut. Hal ini menimbulkan penyesalan dan kebimbangan dalam diri para sahabat RA, lalu turunlah pula ayat ini menjelaskan bahawa perbuatan mereka sebelum terjadi larangan tersebut adalah dianggap sebagai *al-barĒah al-asliyyah* iaitu tidak menjadi dosa ke atas mereka sehinggalah sesuatu larangan itu dinyatakan.

3. Firman Allah SWT di dalam surah al-Isra' ayat 15.

﴿مَنْ أَهْتَدَىٰ فَأِنَّمَا يَهْتَدِي لِنَفْسِهِ وَمَنْ ضَلَّ فَإِنَّمَا يَضِلُّ عَلَيْهَا وَلَا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَىٰ وَمَا كُنَّا مُعَذِّبِينَ حَتَّىٰ تَبْعَثَ رَسُولًا ١٥﴾

Terjemahan: Dan Kami tidak akan mengazab sebelum Kami mengutus seorang rasul (al-Isra', 17: 15).

Ayat ini menjelaskan tentang keadilan Allah SWT dimana Dia tidak akan sesekali mengazab seseorang melainkan setelah ditegakkan hujah dan diutuskan rasul kepadanya (al-Qurtubi, 1964; Ibn Kathir, 1998).

Penafian azab dan hukuman terhadap seseorang sebelum berlakunya sesuatu kewajipan syarak menjadi dalil bahawa prinsip asal ialah *barĒah al-zimmah* (seseorang itu bebas daripada sebarang tuduhan) sehinggalah ditegakkan hujah kepadanya.

4. Firman Allah SWT di dalam surah al-Nisa' ayat 22 dan 23.

﴿وَلَا تَنْكِحُوا مَا نَكَحَ آبَاؤُكُمْ مِنَ النِّسَاءِ إِلَّا مَا قَدْ سَلَفَ إِنَّهُ كَانَ فَحِشَةً وَمَقْتًا وَسَاءَ سَبِيلًا ٢٢﴾

Terjemahan: Dan janganlah kamu kawini wanita-wanita yang telah dikawini oleh ayahmu, terkecuali pada masa yang telah lampau (al-Nisa', 4: 22)

﴿وَأَنْ يَجْمَعُوا بَيْنَ الْأُخْتَيْنِ إِلَّا مَا قَدْ سَلَفَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ غَفُورًا رَحِيمًا ۝٢٣﴾

Terjemahan: Dan (diharamkan kamu) menghimpunkan (dalam perkawinan) dua perempuan yang bersaudara, kecuali yang telah terjadi pada masa lampau; sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang (al-Nisa', 4: 22).

Lafaz pengecualian (إِلَّا) yang terkandung di dalam dua ayat ini adalah bersifat *munqati'* (terputus) sebagaimana dijelaskan oleh Al-Qurtubi (1964). Menurut Al-Syanqiti (2019) ayat ini menegaskan bahawa sesuatu pelanggaran hukum syarak pasti akan menerima hukuman setimpal di akhirat melainkan apa yang pernah dilakukan oleh seseorang sebelum dia memeluk Islam. Hal yang demikian dikira sebagai *al-bar'Éah al-asliyyah* iaitu perbuatan-perbuatan lepas yang dimaafkan oleh syarak (Al-Syanqiti, 2019).

Dalil Daripada Sunnah

Berdasarkan hadis Riwayat daripada Ibn Abbas RA bahawa baginda Rasulullah SAW pernah bersabda:

لَوْ يُعْطَى النَّاسُ بِدَعْوَاهُمْ، لَدَّعَى نَاسٌ دِمَاءَ رِجَالٍ وَأَمْوَالَهُمْ. وَلَكِنِ الْيَمِينُ عَلَى الْمُدْعَى عَلَيْهِ

Terjemahan: Seandainya diberikan kebebasan kepada manusia untuk membuat dakwaan tanpa bukti, nescaya ramailah manusia akan menuntut nyawa dan harta benda orang ramai, akan tetapi pihak yang didakwa hendaklah bersumpah.

[*Ṣaḥīḥ Bukhari*, no. hadith: 35; *Ṣaḥīḥ Muslim*, no. hadith: 1711]

Dalam hadis Riwayat al-Baihaqi (4/3386) menyebut dengan lafaz,

لَكِنِ الْبَيِّنَةُ عَلَى الْمُدْعَى وَالْيَمِينُ عَلَى مَنْ أَنْكَرَ

Terjemahan: Akan tetapi pihak yang mendakwa hendaklah mendatangkan bukti dan yang didakwa hendaklah bersumpah untuk menafikan sesuatu tuduhan.

[*al-Baihaqi*, no. hadith: 3386]

Hadis ini menjelaskan bahawa seseorang tidak dibenarkan untuk menuduh orang lain atau mengaku dirinya berhak ke atas sesuatu tanpa bukti yang kukuh manakala pihak yang dituduh pula hendaklah berani bersumpah untuk menafikan tuduhan tersebut.

Menurut al-Syaukani (1993) kedudukan pihak yang mendakwa dianggap lemah kerana dia telah mengatakan sesuatu perkara yang bercanggahan dengan perkara yang zahir, oleh kerana itu dia dipertanggungjawabkan oleh syarak untuk mendatangkan hujah yang kuat iaitu *al-bayyinah* (bukti) untuk menyokong dakwaannya.

Adapun kedudukan pihak yang dituduh pula dianggap kuat kerana prinsip asal adalah kebebasan seseorang daripada sebarang tanggungan atau tuduhan, maka memadailah dengan bersumpah untuk seseorang itu membersihkan dirinya walaupun sumpah adalah satu bentuk hujah yang tidak cukup kuat kerana orang yang bersumpah biasanya bertujuan untuk mencapai sesuatu manfaat dan menolak sesuatu mudarat daripada dirinya.

Dari sudut lain pula, prinsip kebebasan seseorang daripada sebarang tanggungan atau tuduhan merupakan suatu perkara yang diyakini, manakala sesuatu tanggungan atau tuduhan yang ingin dibebankan ke atas seseorang pula merupakan sesuatu perkara yang masih diragukan, dengan demikian sesuatu perkara yang telah pasti tidak dapat dihilangkan dengan perkara yang masih belum pasti. Ini juga bertepatan dengan kaedah fiqah yang lain iaitu *al-yaqin la yazulu bi al-syak* (sesuatu yang diyakini tidak akan hilang dengan sesuatu yang diragui). Perkara ini juga telah dinyatakan oleh al-Nawawi (t.t) dalam *al-Majmu'* bahawa hukum asal dan keyakinan tidak seharusnya ditinggalkan dengan sebab sesuatu keraguan.

4.3 Kedudukan Dan Kepentingan Kaedah Al-Aslu Bar'Éat Al- Zimmah

Kaedah *al-asl bar'Éah al-zimmah* mempunyai kedudukan yang sangat penting sebagai panduan dalam penentuan hukum syarak kerana faktor berikut:

1. Ia merupakan pecahan daripada salah satu lima kaedah fiqah yang utama iaitu kaedah *al-yaqin la yazulu bi al-syak* (Keyakinan tidak boleh dihilangkan dengan perkara yang diragui) yang mana kaedah ini telah digunapakai dalam pelbagai cabang ilmu fiqah seperti ibadat, muamalat, perkahwinan, jenayah dan sebagainya. Menurut al-Suyuti (t. th) kaedah ini telah memasuki lebih tiga perempat permasalahan fiqah.
2. Ia mempunyai kaitan kuat dengan salah satu prinsip asas yang ditetapkan oleh Islam berpandukan hadis yang bermaksud “*Pihak yang mendakwa perlu medatangkan bukti dan pihak yang didakwa perlu bersumpah*” (HR Bukhari). Menurut al- Nawawi (1932) hadis ini menjadi satu kaedah yang cukup besar daripada keseluruhan kaedah-kaedah hukum syarak, hal ini kerana kehidupan masyarakat pastinya tidak akan terlepas daripada sesuatu perbalahan dan perselisihan faham dalam pelbagai perkara.
3. Ia merupakan gabungan antara kaedah fiqah dan kaedah Usul Fiqah iaitu *al- Istishab*. Menurut Ibn Aqil (1999) kaedah *al- Istishab* ialah mengekalkan hukum asal bagi sesuatu perkara, ia merupakan sebahagian daripada dalil syarak yang menjadi panduan dalam pelbagai permasalahan hukum.
4. Pelaksanaan kaedah ini adalah bersesuaian dengan *Maqasid al- Shariah* (Objektif Syariat) dalam menjaga hak- hak semua manusia daripada dicerobohi. Ia boleh menutup pintu-pintu yang memberi ruang kepada seseorang untuk membuat sebarang tuduhan palsu terhadap harta dan nyawa orang lain tanpa mendatangkan sebarang beban bukti yang kukuh.

5. Dapatan Kajian Dan Perbincangan

Kaedah *al-asl bar'Éat al-zimmah* menggambarkan salah satu manifestasi keunggulan syariat Islam. Ia menjadi panduan syarak dalam menghadapi pertikaian yang sering berlaku dalam kalangan anggota masyarakat kerana manusia secara fitrahnya menginginkan keadilan terhadap sebarang bentuk pencerobohan hak. Sebaliknya pula, kegagalan untuk menerapkan kaedah ini boleh menyebabkan kepincangan dalam masyarakat dan membenarkan penindasan yang tidak adil di mana seorang akan bermudah-mudah membuat tuntutan palsu dan pihak yang dituduh pula menghadapi kesukaran untuk menafikan dakwaan tersebut. Ini boleh mengakibatkan kehilangan hak dan ketidakstabilan dalam kehidupan bermasyarakat.

Justeru itu, dalam bab ini pengkaji menganalisis beberapa contoh pengaplikasian kaedah *al-asl bar'Éat al-zimmah* dalam aspek kekeluargaan, muamalat dan jenayah menurut hukum fiqah dan juga perundangan semasa di Malaysia.

5.1 Aspek Kekeluargaan

1. Pertikaian Berkaitan Hubungan Suami Isteri

Suami isteri berselisih pendapat tentang penguasaan contohnya keengganan isteri melakukan persetubuhan di mana isteri mendakwa suami telah menguasai beliau tetapi suami menafikan. Dakwaan yang diterima ialah dakwaan suami bersertakan sumpah, kerana pada asalnya tidak berlaku penguasaan sehinggalah dibuktikan sebaliknya. Berpandukan kaedah *al-asl barÉat al-zimmah* syarak menganggap seorang suami bebas daripada kewajiban menyediakan nafkah sehinggalah dia dapat menguasai isterinya. Hal ini sebagaimana dijelaskan oleh para fuqaha berkaitan penguasaan suami ke atas isteri yang memberi kesan terhadap kewajiban nafkah (al- Zuhaili, 2008).

Dalam konteks perundangan semasa, peruntukan dalam Seksyen 59 Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayahPersekutuan) 1984 (Akta 303) dan seksyen yang sama dalam Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Keluarga Islam 1991 bagi negeri Perlis menjelaskan bahawa:

- “(2) Tertakluk kepada Hukum Syarak dan pengesahan Mahkamah, seseorang isteri tidaklah berhak mendapat nafkah apabila dia nusyuz atau enggan dengan tidak berpatutan menurut kemahuan atau perintah sah suaminya, iaitu, antara lain-
- (a) apabila dia menjauhkan dirinya atau enggan disetubuhi oleh suaminya;
 - (b) apabila dia meninggalkan rumah suaminya bertentangan dengan kemahuan suaminya;
 - (c) apabila dia enggan berpindah bersama suaminya ke satu rumah atau tempat lain, tanpa apa-apa sebab yang sah mengikut Hukum Syarak”

2. Pertikaian Berkaitan Perceraian

Jika seorang isteri mendakwa bahawa suaminya telah pun menceraikannya sedangkan suami menafikannya, maka dakwaan yang diterima ialah dakwaan suami bersertakan sumpah manakala beban pembuktian perceraian tersebut pula adalah di atas pihak yang mendakwa. Elemen sumpah diguna pakai dalam kes permohonan pengesahan lafaz cerai sekiranya suami menafikan wujudnya niat untuk bercerai dan sumpah yang diguna pakai akan menyebut nama Allah dan sekiranya suami menipu maka akan mendatangkan kemurkaan Allah.

Dalam konteks perundangan semasa, pengesahan perceraian dan lafaz talak diperlukan apabila melibatkan talak yang dilafazkan oleh suami di luar Mahkamah tanpa kebenaran mahkamah sama ada dengan lafaz *sorih* (jelas) atau lafaz *kinayah* (sindiran) (Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, t.t.). Pihak-pihak sama ada suami atau isteri, hendaklah melaporkan kepada mahkamah dalam masa tujuh (7) hari, mahkamah akan menyiasat dan memastikan sama ada lafaz tersebut sabit talak atau tidak mengikut Hukum Syarak. Jika mahkamah berpuas hati bahawa talak yang telah dilafazkan itu adalah sah mengikut hukum syarak, maka mahkamah akan mengesahkan dan merekodkan perceraian tersebut. Mahkamah juga perlu menghantar suatu salinan rekod itu kepada pendaftar dan berkenaan untuk didaftarkan, contohnya peruntukan dalam seksyen 57 (1), (2), (3) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 dan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 iaitu:

- “(1) Walau apa pun seksyen 55, seseorang lelaki yang telah menceraikan isterinya dengan lafaz talak di luar Mahkamah dan tanpa kebenaran Mahkamah, hendaklah dalam masa tujuh hari dari pelafazan talak itu melaporkan kepada Mahkamah.
- (2) Mahkamah hendaklah mengadakan siasatan untuk memastikan sama ada talak yang dilafazkan itu adalah sah mengikut Hukum Syarak.
- (3) Jika Mahkamah berpuas hati bahawa talak yang telah dilafazkan itu adalah sah mengikut Hukum Syarak, maka Mahkamah hendaklah—
- (a) mengesahkan perceraian itu;
 - (b) merekodkan perceraian itu; dan
 - (c) menghantar suatu salinan rekod itu kepada Pendaftar yang berkenaan dan kepada Ketua Pendaftar untuk didaftarkan”

Implikasi daripada perkara ini, isteri dianggap belum layak untuk menuntut hak-hak yang dibenarkan selepas berlakunya perceraian seperti *muta'ah*, harta sepencarian dan seumpamanya sehinggalah dibukti dan disahkan telah berlakunya perceraian tersebut. Berpandukan kaedah *al-asl barEah al-zimmah* suami dianggap bebas daripada tanggungan ke atas tuntutan-tuntutan tersebut sehinggalah pengesahan perceraian diperolehi. Hal ini kerana pada asalnya perceraian dianggap belum berlaku sehinggalah dibuktikan sebaliknya. Maka akad perkahwinan tersebut masih kekal seperti keadaan asalnya.

5.2. Aspek Muamalat

1. Ganti Rugi Terhadap Kerosakan Harta

Menurut Abdul Karim Zaidan (2001) orang yang menyebabkan kerosakan harta benda orang lain tanpa sebab yang dibenarkan syarak, dia hendaklah membayar ganti rugi. Walau bagaimana pun, jika berlaku situasi di mana pemilik barang mendakwa bahawa nilai barangnya lebih mahal daripada harga yang dipersetujui oleh orang yang merosakkan harta itu, maka dakwaan tersebut tidak diterima. Ini kerana, pihak yang membayar ganti rugi tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk menggantikan melebihi nilai sebenar barang tersebut, kecuali jika pemilik barang mempunyai bukti untuk membenarkan dakwaannya.

Tuntutan supaya pihak yang menuntut ganti rugi untuk mendatangkan bukti berkaitan penilaian harta tersebut apabila berlaku perselisihan sedemikian adalah bagi menjamin keadilan terutama kepada pihak yang perlu membayar ganti rugi kerana pada prinsipnya dia tidaklah diwajibkan atau tiada tanggungan (*barEah al-zimmah*) melainkan tanggungjawab untuk menjelaskan ganti rugi dengan nilai sebenar harta tersebut sahaja.

Dalam konteks perundangan di Malaysia secara umumnya, pampasan untuk ganti rugi sebegini telah diperuntukkan di bawah Akta Undang-Undang Sivil 1956. Walau bagaimanapun, kaedah atau prinsip yang digunakan dalam menilai ganti rugi khas tidak ditetapkan secara terperinci oleh undang – undang. Justeru itu, ia terserah kepada segala budi bicara hakim-hakim Yang Arif lagi Bijaksana untuk diputuskan serta berdasarkan garis panduan mereka sendiri dengan merujuk kepada kes-kes yang terdahulu (konsep ini dikenali oleh pengamal undang-undang sebagai duluan kehakiman). Oleh itu, pengeluaran resit untuk membuktikan sesuatu tuntutan ini dan kehadiran pembuat resit adalah penting. Di dalam kes Abdul Hamid & Anor lwn. Tan Chu Kim [1969] 2 MLJ 215, hakim telah menyatakan bahawa jumlah ganti rugi yang munasabah patut dianugerahkan atau dijadikan pampasan untuk pembaikan walaupun tuan kedai yang membaiki itu tidak dipanggil. Ia sepatutnya menjadi pengecualian dan bukan peraturan kerana segala kerosakan khas itu mesti dibuktikan dengan tegas.

2. Pertikaian Berkaitan Sewaan

Sekiranya berlaku perselisihan terhadap nilai sewaan di antara penyewa (*al-musta'jir*) dan pihak yang menyewakan (*al-muajjir*) setelah selesai dimanfaatkan harta yang disewa, maka tuntutan harga yang perlu dijelaskan adalah berdasarkan dakwaan dari pihak yang menyewa (Zaidan, 2001; Al-Tuwaijiri, 2009). Sebaliknya jika harta yang disewa belum pun selesai dimanfaatkan, maka dalam kondisi tersebut yang dijadikan asas adalah dakwaan pihak yang menyewakan. Apabila berlaku pertikaian sedemikian, pihak penyewa boleh bersumpah kemudian pernyataan dialah yang diterima, sebaliknya pihak yang menyewakan pula perlu mendatangkan bukti untuk membenarkan dakwaannya. Hal ini kerana pada prinsipnya pihak penyewa tidaklah dibebankan dengan tanggungan (*bar'Éah al-zimmah*) untuk melunaskan lebihan bayaran sewa yang dituntut oleh pihak yang menyewakan (Syabir, 2000).

Dalam konteks perundangan semasa, keperluan untuk mewujudkan kontrak atau perjanjian bertulis di antara penyewa dan pihak yang menyewakan telah menjadi salah satu perkara yang penting bagi mengelakkan terjadinya pertikaian sedemikian. Di Malaysia contohnya, undang-undang yang terpakai untuk menguatkuasakan sesuatu perjanjian ialah Akta Kontrak 1950 dan di bawah akta tersebut juga terdapat peruntukkan mengenai janji sebagaimana yang dinyatakan dalam seksyen 2(b) AK 1950 iaitu: “*Apabila orang kepada siapa cadangan itu dibuat menyatakan persetujuan dengan cadangan itu diterima; sesuatu cadangan bila diterima, adalah menjadi janji.*” Menurut Fadziani & Buang (2017) peruntukkan ini menyatakan janji terbentuk apabila terdapat penerimaan kepada sesuatu cadangan.

Akta Kontrak 1950 ini diwujudkan untuk membincangkan hal-hal yang berkaitan dengan perjanjian dan tanggungjawab antara pihak yang memberi tawaran secara kontrak, dan satu pihak lagi yang menerima apa-apa tawaran. Kontrak yang dipersetujui pula mestilah sah dan mengandungi elemen seperti tawaran, penerimaan, balasan, niat, kerelaan, keupayaan dan ketentuan. Dalam hal berkaitan sewaan aset, jika ada konflik berlaku, maka akta ini boleh diusulkan sebagai rujukan sepanjang proses perbicaraan. Selain itu, terdapat juga peruntukan yang lain seperti Akta Undang-Undang Sivil 1956 boleh diguna pakai bagi merujuk hal-hal atau kes yang berkaitan dengan pertikaian yang berlaku mengenai pembayaran di antara penyewa dan pihak yang menyewakan.

Kesimpulannya, penerimaan syarak terhadap dakwaan penyewa berbanding pihak yang menyewakan iaitu apabila berlakunya pertikaian nilai sewaan sesuatu harta yang telah pun selesai dimanfaatkan atau tamat tempoh sewaan menunjukkan bahawa penyewa tersebut pada pandangan syarak dianggap bebas daripada tanggungan (*bar'Éah al-zimmah*) ke atas lebihan harga sewaan yang dituntut oleh pihak penyewa. Dari sudut perundangan pula, keperluan mewujudkan kontrak perjanjian yang sah di sisi undang-undang adalah penting untuk dijadikan bukti bagi pihak yang menyewakan apabila dakwaannya diingkari oleh penyewa. Konsep ini adalah bertepatan dengan panduan al-Quran ayat 282 surah al-Baqarah,

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا تَدَايَيْتُمْ بِدَيْنٍ إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى فَاكْتُبُوهُ وَلْيَكْتُب بَيْنَكُمْ كَاتِبٌ بِالْعَدْلِ﴾

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang piutang yang diberi tempoh hingga ke suatu masa yang tertentu maka hendaklah kamu laksanakan secara bertulis dan hendaklah seorang penulis di antara kamu menulisnya dengan adil (benar) (al-Baqarah, 2: 282).

Menurut Ibn Kathir (1999) ayat ini merupakan panduan dari Allah kepada hamba-hambaNya yang beriman apabila berurusan dengan transaksi yang tertangguh (*deferred transaction*) adalah dengan menyediakan satu perjanjian bertulis, agar lebih jelas dan terperinci mengenai jumlah dan tempohnya, serta sebagai bukti bagi saksi-saksi yang terlibat dalam transaksi tersebut. Al-Sa'di (2000) ketika menjelaskan perkara ini menegaskan bahawa ketiadaan perjanjian bertulis pula boleh menyebabkan berlakunya kesilapan atau lupa atau perselisihan serta pertikaian yang banyak di antara kedua-dua belah pihak.

5.3. Aspek Jenayah

Dalam syariat Islam, konsep *al-itsbÉt al-jinÉi* (pensabitan kes melibatkan kesalahan jenayah) telah menetapkan pelbagai tatacara dan kaedah pembuktian sesuatu jenayah untuk disabitkan ke atas seseorang sehinggakan Ibn al-Qayyim telah menukikan sebanyak dua puluh enam kaedah pembuktian berdasarkan penelitian beliau terhadap nas al-Quran, sunnah dan juga *athar* para sahabat (Abu Safiah, 2010). Oleh kerana itu, dalam soal penjagaan hak manusia sama ada yang melibatkan jenayah terhadap nyawa, harta, maruah atau selainnya, syariat Islam bukanlah bersifat rigid dengan hanya menerima kaedah pembuktian melalui penyaksian dua orang saksi lelaki bahkan jika diperhatikan para *Khulafa' al-Rasyidin* begitu juga para sahabat telah melaksanakan hukuman hudud seperti jenayah zina dengan bukti kehamilan, jenayah minum arak dengan bukti bau mulut dan muntah, demikian juga jenayah mencuri dengan bukti kewujudan barang yang dicuri bersama pencuri (Ibn al-Qayyim, 1973).

Menurut Hussain Yusuf (2003) setiap individu yang menghadapi pertuduhan dengan sesuatu kesalahan jenayah, tidak kira berapa serius dan besarnya jenayah tersebut atau berapa kuatnya sangkaan dan petunjuk kes yang wujud, sepanjang sesi perbicaraan berlangsung dia hendaklah dilayan sebagai orang yang bersih dan tidak bersalah sehinggalah dia benar-benar disabitkan bersalah oleh pihak mahkamah. Hal ini kerana prinsip asal pada diri seseorang manusia adalah *al-barÉah* (tidak bersalah) dan ia tidak akan hilang daripadanya melainkan dengan keputusan yang dibuat oleh pihak mahkamah sahaja melalui pendedahan fakta kes dan pensabitan jenayah tersebut terhadap pihak tertuduh.

Dari sudut perundangan semasa, Perkara 6 Akta Hak Asasi Manusia 1988 memperuntukkan bagi setiap warganegara mempunyai hak untuk mendapatkan perbicaraan atau pendengaran yang adil dan awam berhubung dengan kedua-dua perkara jenayah dan sivil. Seksyen 2 Perkara 6 menyatakan, "*Setiap orang yang dituduh melakukan kesalahan jenayah hendaklah dianggap tidak bersalah sehingga dibuktikan bersalah mengikut undang-undang*". Seksyen ini juga menyenaraikan beberapa perkara yang menjadi hak seseorang yang menghadapi sesuatu pendakwaan antaranya ialah hak untuk mendapat perbicaraan yang adil, awam, didengar oleh mahkamah atau tribunal bebas, dan dibicarakan dalam masa yang munasabah, begitu juga hak untuk dimaklumkan dengan segera, secara terperinci, dan dalam bahasa yang difahami tentang sifat dan punca pertuduhan terhadap dan hak untuk membela diri sendiri atau dengan bantuan undang-undang pilihan sendiri.

Selain itu, hak asasi untuk dilayan sebagai tidak bersalah sehingga dibuktikan bersalah juga merupakan hak asasi manusia antarabangsa di bawah Perkara 11 Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat PBB. Ia menyatakan bahawa:

"Setiap orang yang dituduh dengan kesalahan keseksaan berhak untuk dianggap tidak bersalah sehingga dibuktikan bersalah" dan bahawa "tiada sesiapa pun boleh didapati bersalah atas apa-apa kesalahan keseksaan atas apa-apa perbuatan atau peninggalan yang bukan merupakan kesalahan keseksaan, di bawah undang-undang kebangsaan atau antarabangsa, pada masa ia dilakukan".

Secara umumnya, implementasi konsep *innocence until proven guilty* (tidak bersalah sehingga dibuktikan bersalah) dan juga *Preassumption of Innocence* (anggapan tidak bersalah) adalah selaras dengan kaedah *al-asl bar'Éah al-zimmah* dan ia menjadi satu prinsip penting yang telah lama diperkenalkan oleh Islam sebagai garis panduan dalam menjamin keadilan terhadap kedua-dua belah pihak sama ada pihak yang mendakwa atau yang tertuduh.

6. Kesimpulan

Kajian ini dihasilkan adalah untuk menjelaskan secara terperinci konsep dan kedudukan kaedah *al-asl bar'Éah al-zimmah* menurut syarak seterusnya membuktikan peranan penting kaedah ini dalam menghadapi pelbagai isu. Kajian menyimpulkan bahawa kaedah ini merupakan satu kaedah penting yang dibentuk berasaskan al-Quran dan Sunnah. Ia menekankan prinsip *al-bar'Éah* (kebebasan) yang dimiliki oleh setiap manusia daripada dibebani dengan sesuatu kewajipan, tanggungan, tuduhan atau hukuman. Selain itu, kaedah ini juga penting bagi memastikan keadilan dapat ditegakkan kepada pihak-pihak yang terlibat dalam sesuatu pertikaian terutamanya dalam aspek kekeluargaan, muamalat dan jenayah. Justeru, pelaksanaan teori dan prinsip yang terdapat dalam kaedah ini akan menjamin pemeliharaan terhadap hak dan maruah setiap individu sama ada dari sudut hukum fiqah mahupun perundangan semasa. Sebaliknya, kegagalan untuk menerapkan kaedah ini boleh menyebabkan kepincangan dalam masyarakat dan membenarkan penindasan di mana seorang akan bermudah-mudah membuat tuntutan dan dakwaan palsu dan pihak yang dituduh pula menghadapi kesukaran untuk menafikan dakwaan tersebut. Hal ini boleh mengakibatkan kehilangan hak dan ketidakstabilan dalam kehidupan bermasyarakat.

Dapatan kajian ini diharap dapat memberikan nilai tambah kepada kualiti penyelidikan Islam dan membantu pihak pemegang taruh untuk melaksanakannya dalam sistem perundangan yang ada. Selain itu, kebanyakan kajian sebelum ini lebih tertumpu kepada perbincangan kaedah-kaedah fiqah secara umum. Oleh itu, penulis berpendapat perlunya dipenuhi kelengkapan yang ada dengan menumpukan kajian terhadap aplikasi kaedah *al-asl bar'Éah al-zimmah* secara lebih meluas dalam hukum fiqah dan perundangan semasa di Malaysia. Diharapkan kajian lanjutan berkaitan kaedah ini dapat diteruskan untuk melihat sejauh mana aplikasinya dalam cabang-cabang hukum fiqah yang lain seterusnya diaplikasikan oleh pihak pemegang taruh dalam perundangan semasa.

Rujukan

- Abu Mansur, Muhammad Bin Ahmad. (2001). *Tahzib al- Lughah*. Beirut: Dar Ihya al- Turath al- Arabi.
- Abu Safiah, Fakhri. (2010). *Fiqah al- Qadha' Wa Turuq al- Ithbat*. Palestin : Dar al- Amal Li al- Nasyr Wa al- Tauzi'
- Abu Safiah, Fakhri. (t. th). *Turuq al- Ithbat Fi al- Qadha' al- Islami*. Algeria : Syarikat al- Syihab
- Ahmad bin Hanbal. (1995). *Musnad al-Imam Ahmad bin Hanbal*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Akta Hak Asasi Manusia 1988
- Akta Kontrak 1950
- Akta Undang- Undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayahPersekutuan) 1984
- Akta Undang – Undang Sivill 1956
- Al- Fayyumi, Ahmad ibn Muhammad. (1985). *al-Misbah al-Munir fi Gharib al-Syarh al- Kabir*. Beirut: al-Maktabah al- Ilmiyyah

- Al- Jauziyyah, Muhammad Bin Abi Bakr Ibn al- Qayyim. (1973). *I'lam al- Muwaqqi'in*. Beirut: Dar al- Jil.
- Al- Jurjani, Ali Bin Muhammad. (1983). *Kitab al- Takrifat*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Al Juzairi, A. (2003). *Al Fiqah ala al Mazahib al Arbaah* (2nd ed.). Beirut: Dar al Kutub al Ilmiyah.
- Al- Naisaburi, Abu al-Husain Muslim Bin al-Hajjaj. (1433H). *Sahih Muslim*. : Beirut: Dar Tuq al-Najat.
- Al- Nawawi, Muhyiddin Yahya Bin Syaraf. (1347 H). *Al- Majmu' Syarh al- Muhazzab..* Kaherah : Matba'ah al- Tadamun al- Ukhawi
- Al- Nawawi, Muhyiddin Yahya Bin Syaraf. (1932). *Al- Minhaj Syarh Sahih Muslim*. Beirut : Dar Ihya' al- Turath.
- Al Suyuti, Jalal al-Din Abd Al-Rahman. (t. th). *al-Asybah al Nazha'ir*. Singapura: Sulaiman Mar'i. Hal 48.
- Al- Tuwaijiri, Muhammad Bin Ibrahim. (2009). *Mausu'ah al- Fiqah al- Islami*. Bait al- Afkar al- Dauliyyah.
- Al- Zarqa, A. M. (1989). *Syarh al-Qawaid al-Fiqahiyyah* (2nd ed.). Damascus, Syria: Dar al-Qalam.
- Al- Zuhaili, Muhammad. (2008). *Mausu'ah al- Fiqah al- Islami al- Mu'asir*. Ji. 1. Dimasy : Dar al-Maktabi
- Al-Baihaqi, Ahmad Bin al-Husain Bin Ali (1989). *Al-Sunan Al-Saqhir Li Al-Baihaqi*. Karachi: Universiti al- Dirasat al-Islamiyyah.
- Al-Farabi, Abu Nasr Ismail Bin Hammad al-Jauhari. (1987). *Al-Sihhah Taj al-Lughah wa Sihhah al-Arabiah*. Beirut: Dar al-'Ilm.
- Al-Qurtubi, Muhammad Bin Ahmad. (1964). *Al-Jami' Li Ahkam al-Quran*. Kaherah: Dar al-Kutub al-Misriyyah.
- Al- Sa'di, Abdurrahman Bin Nasir Bin Abdullah. (2000). *Taisir al-Karim al-Rahman Fi Kalam al-Mannan*. Muassasah al-Risalah. Cetakan Pertama.
- Al-Suyuti, Jalaluddin Abd al-Rahman. (1983). *Al-asyabh wa al-Nazair*. Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Al-Syanqiti, Muhammad al-Amin Bin Muhammad al-Mukhtar. (2019). *Muzaakirah Usul al-Fiqah 'Ala Raudhat al-Nazir*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Al-Syaukani, Muhammad Bin Ali Bin Muhammad. (1993). *Nail al-Authar*. Mesir: Dar al-Hadith.
- Al-Zuhaili, Muhammad Mustafa. (2006). *Al-Qawaid al-Fiqahiyyah wa tatbiqatuha fi al-Mazahib al-Arba'ah*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Amalina Che Omara & Mohd Norhusairi Mat Hussina Pemakaian. (2020). *Kaedah-Kaedah Fekah Dalam Institusi Fatwa Di Wilayah Persekutuan Dari Tahun 2010-2014*. Journal of Research in Islamic Studies 7(2) (2020): 55-85
- Anwar Fakhri Omar. (2002). *Aplikasi Kaedah Fiqah Dalam Permasalahan Fiqah*. Jurnal Islamiyyat Jil.23.
- Awang Othman, M. S. (1993). *Beban Dan Tahap Pembuktian Dalam Sistem Pengadilan Islam*. Jurnal Syariah, 1(2), 334–355. Universiti Malaya.
- Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
- DOU, K., & dib, nazihah. (2021). *The Acquittal Rule and its Applications and effects in Islamic Jurisprudence and Secular Laws*. Algerian Scientific Journal Platform, Edisi kedua, Isu 1.
- Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Perlis) 1991
- Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003
- Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003

- Fadziani Yaakub, Ahmad Hidayat Buang. (2017). *Kedudukan Janji Dalam Undang-Undang Islam Dan Akta Kontrak 1950*. Journal of Shariah Law Research (2017) vol. 2 (1) 1-20
- Fauwaz Bin Muhammad Aziz. (2016). *Al- Qa'idah al- Fiqahiyyah al- Asl Baraat al- Zimmah Fi Dhawi al- Syariat al- Islmiyyah Wa al- Qanun al- Jinaei War Rabtuha Bi Nizam al- Ijraat al- Jazaiyyah al- Saudi*. Jurnal al- Dirasat al- Islmiyyah Wa al- Buhuth al- Akadimiyah Universiti Kaherah. Jilid 11. Bilangan 70
- Herbert L Packer. (1968). *The Limits of Criminal Sanction*. California: Stanford University Press. Hal.59
- Ibn al- Subki, Abdul Wahhab. (1991). *Al- Ashbah Wa al- Nazair*. Beirut: Dar al- Kutub al- Ilmiyyah
- Ibn al-Athir, Abu al- Saadat al-Mubarak Bin Muhammad. (t. th). *Jami' al- Usul Fi Ahadith al- Rasul*. Maktabah Dar al- Bayan.
- Ibn Aqil, Abu al- Wafa Ali Bin Aqil Bin Muhammad. (1999). *Al- Wadhhih Fi Usul al- Fiqah*. Beirut: Muassasah al- Risalah.
- Ibn Faris, Ahmad. (1979). *Mukjam Maqayis al-Lughah*. Lubnan: Dar al-Fikr.
- Ibn Kathir, Ismail Bin Umar. (1999). *Tafsir al-Quran al-Azim*. Dar Taibat Li al-Nasyr Wa al- Tauzi'. Cetakan kedua.
- Ibn Manzur, Jamaluddin. (1414 H). *Lisan al- Arab*. Beirut: Dar Sadir.
- Ibn Nujaim, Zainuddin Bin Ibarahim. (1999). *Al- Ashbah Wa al- Nazair*. Beirut: Dar al- Kutub al- Ilmiah
- Izzuddin, Abdul Aziz Bin Abd al- Salam. (1991). *Qawaid al- Ahkam Fi Masalih al- Anam*. Beirut : Dar al- Kutub al- Ilmiyyah
- Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM). (t.t.). *Penceraian (Pembubaran Perkahwinan)*.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). (2013). *Fatwa Isu-Isu Munakahat*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Kementerian Wakaf & Hal Ehwal Islam Kuwait. (1427 H). *al-Mausu'ah al-fiqahiyyah al- Kuwaitiyyah*. Kuwait: Dar al- Salasil.
- Kes Undang-Undang Abdul Hamid & Anor lwn. Tan Chu Kim [1969] 2 MLJ 215
- Kumpulan Penulis. (1972). *Al-Muñjam al-WasÊt*. Kaherah: MajmaÑ al-Lughah al- Arabiyyah.
- Mastura binti Razali. (2015). *Aplikasi Kaedah Fiqhiyyah Dalam Penghakiman: Kajian Terhadap Jurnal Hukum (2004-2013)*. Universiti Sains Malaysia.
- Mualimin Mochammad Sahid, Fettane Amar, Ahmad Syukran Baharuddin (2020). *Aplikasi Kaedah-Kaedah Fiqah Dalam Isu-Isu Semasa Pandemik Covid-19*. INSLA e- Proceeding Vol 3, No.1.
- Mustafa, Hussain Yusuf. (2003). "*Al- Syar'iyyah Fi al- Ijraat al- Jazaiyyah*" Tesis Sarjana. Universiti Amman Jordan. Jordan : Dar al- Thaqafah Li al- Nasyr Wa al- Tauzi'.
- Mustafa, I. (t.th). *Al-Mu'jam al-Wasit*. (t.tp.). Dar al-Da'wah
- Syabir, Muhammad Uthman. (2000). *Al- Qawa'id al- Kulliyyah Wa al- Dhawabit al- Fiqahiyyah*. Dar al- Furqan.
- Yahya Musa Hamad Bani Abd Allah. (2004). *al-Qawa'id al-Fiqhiyyah Fi Ijtima al-Halal Wa al-Haram Wa Tatbiqatiha al-Muasirah*. Universiti Jordan
- Zaidan, Abdul Karim. (2001). *Al-Wajiz fi syarh al- Qawaid Al-Fiqahiyah*. Beirut: Muassasah Ar-Risalah.